REKONSTRUKSI DALAMAN DIALEK HULU PAHANG PURBA (DHPP)

MOHD TARMIZI HASRAH, RAHIM AMAN & SHAHIDI A. H
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini merupakan suatu usaha merekonstruksi bentuk purba salah satu dialek yang diandaikan wujud di salah satu kawasan di Semenanjung pada suatu ketika dahulu, iaitu yang digelar dalam makalah ini sebagai Dialek Hulu Pahang Purba (DHPP). Usaha rekonstruksi dialek purba ini dijalankan dengan menggunakan kaedah perbandingan kualitatif melalui pembinaan perangkat kesepadanan bunyi. Perbandingan ini menyerlahkan dapatan utama kajian, iaitu penentuan fonem dialek purba tersebut dan mengesan ciri inovasi dan retensi yang berguna untuk tujuan klasifikasi. Lima buah varian di Hulu Pahang dijadikan dasar kepada perbandingan ialah varian Serau (SR), Beralas (BRS), Kuala Kenong (KK), Tanjung Bungor (TGB) dan Benta (BNT). Berasaskan linguistik perbandingan sejarawi, maka kajian ini telah merekonstruksi DHPP dengan memanfaatkan data dialek-dialek atau varian-varian yang dituturkan pada masa kini bagi menyingkapi keadaannya pada masa dahulu. Hasilnya terbukti bahawa DHPP memiliki 18 buah konsonan dan 4 buah vokal. Hasil ini memperlihatkan bahawa berlakunya inovasi dalam konsonan, dan retensi vokal DHPP; DHPP memperlihatkan pengurangan sebuah konsonan daripada Melayik Purba (MP) (inovasi), dan vokal DHPP tetap mempertahankan vokal MP (retensi).

Kata Kunci: Dialek Hulu Pahang Purba, rekonstruksi, inovasi dan retensi.

ABSTRACT

This paper is an attempt to reconstruct the ancient form of a dialect that is assumed to exist in one area of the Malay Peninsula at one time, which is called in this paper as a Proto-Upper Pahang Dialect (DHPP). The reconstruction implements the qualitative comparison method using the construction of sound correspondency. The comparison yielded the key findings of the present study, i.e. the identification of the proto dialect phonemes and the detection of the innovation and retention features that are useful for classification purposes. Five variants of the DHPP (Serau (SR), Beralas (BRS), Kuala Kenong (KK), Tanjung Bungor (TGB), and Benta (BNT)) are used as the basis for comparison. Based upon a historical comparative linguistic approach, this study reconstructs DHPP using the actual data in order to reveal the nature of its ancient form. The result of this study proved that DHPP has eighteen consonants and four vowels. This result shows that DHPP loss one of Proto-Malayic consonant (inovation) and yet maintained the vowel of this ancestor language (retention).

Key Words: *Proto-Upper Pahang Dialect, reconstruction, innovation, retention*

Pengenalan

Upaya rekonstruksi dalaman terhadap dialek-dialek Melayu Semenanjung masih lagi langka, atau memang masih lagi belum dikerjakan setuntasnya kerana rekonstruksi yang ada kini hanyalah rekonstruksi bahasa yang lebih tinggi tahapnya yang hanya menjadikan dialek-dialek itu sebagai asas perbandingan untuk menyembulkan bahasa purba hipotesis. Kalau ada pun upaya rekonstruksi seperti itu hanyalah berupa rekonstruksi bahagian fonologi tertentu yang terpecah-pecah sifatnya seperti yang dikerjakan dalam beberpa kajian sebelum ini, lihat antaranya Collins (1983b, 1985, 1987, 1996) dan Asmah (1985/2008, 1991, 1995a, 1995b). Kelangkaan yang wujud dalam upaya rekonstruksi ini sememangnya menginsafkan. Lebih-lebih lagi mengenangkan bahawa jikalaulah kefahaman mengenai bahasa atau dialek pada tahap yang lebih rendah masih terawan-awangan, maka kefahaman mengenai bahasa atau dialek yang lebih tinggi tahapnya tidaklah musathil akan terkabut juga (Collins 1989; Adelaar 1992).

Justeru itu, makalah ini mengupayakan sebuah rekonstruksi dalaman terhadap sebuah dialek Melayu yang diandaikan wujud dan dituturkan suatu ketika dahulu di lembangan sungai Hulu Pahang (meliputi daerah Kuala Lipis, sedikit daerah Raub dan Jerantut) dan yang menjadi sumber yang menurunkan varian-varian semasa di kawasan itu yang digelar sebagai Dialek Hulu Pahang Purba (selepas ini DHPP). Dengan menggunakan sebuah daftar kata yang mengandungi sebanyak 450 item, lima buah kampung (SR, BRS, KK, TGB dan BNT) dikunjungi untuk pencuplikan data dan kelima-limanya dijadikan dasar perbandingan untuk merekonstruksi fonem purba DHPP. Kelima-lima buah kampung ini dipilih bersebabkan perbezaan ciri fonetiknya yang begitu menonjol berbanding dengan kampung-kampung yang lain.

Upaya rekonstruksi yang dikerjakan dalam makalah ini mengguna pakai tatacara rekonstruksi tradisional atau tatacara kualitatif. Tatacara ini memerlukan setiap kata dalam bahasa yang ingin dibandingkan disusun dalam bentuk perangkat kesepadanan bunyi. Setelah itu, dicarikan pula segmen yang memiliki persamaan terbanyak, kerana diandaikan segmen yang terbanyak itu merupakan refleks dari induknya dan merupakan calon sebagai fonem purba berdasarkan prinsip "banyak mengalahkan yang sedikit" (Crowley & Bowern 2010). Justeru demikian, secara sederhananya, makalah ini akan menyentuh perkara-perkara seperti deskripsi fonem, rekonstruksi konsonan, rekonstruksi vokal, dan akhirnya dicadangkan juga beberapa kesimpulan.

Deskripsi Fonologi Dialek Hulu Pahang

Untuk tujuan rekonstruksi DHPP, perlu ditampilkan sistem fonem yang dimiliki oleh varian-varian di Hulu Pahang. Dalam makalah yang lain (Tarmizi, Rahim dan Shahidi, akan terbit) telah membuktikan bahawa secara fonemiknya terdapat sebanyak 18 buah konsonan dan 6 vokal di Hulu Pahang; konsonannya ialah /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /s/, /ɣ/, /h/, /tʃ/, /dʒ/, /l/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /w/ dan /y/, dan vokalnya /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/ dan /o/.

1. Konsonan letupan muncul pada posisi awal dan tengah kata. Pada posisi akhir, konsonan /p/ /t/ dan /k/ mengalami debukalisasi (*debuccalization*) yang merubah konsonan-konsonan itu kepada [ʔ].
2. /s/ dan /ɣ/ muncul di awal dan tengah kata. Pada akhir kata, /s/ direalisasi sebagai [h], dan /ɣ/ dilemahkan kepada ciri [- konsonantal]. Geseran /h/ hanya muncul pada posisi tengah dan akhir kata.
3. /tʃ/ dan /dʒ/ serta lateral /l/ hanya muncul pada awal dan tengah kata. Konsonan terakhir itu digugurkan pada akhir kata.
4. Kesemua nasal hanya muncul pada awal dan tengah kata, dan digugurkan pada akhir kata.
5. Separuh vokal hanya muncul pada awal dan tengah kata sahaja.
6. /i/ muncul dalam semua suku kata; suku kata praakhir kekal sebagai [i], manakala dalam suku kata akhir muncul beberapa alofon seperti [i] [iy] dan [i:].
7. /u/ muncul dalam semua suku kata; sebagai [u] dalam suku kata praakhir dan sebagai [u], [uw], [u:], [ʊ] di SR, BRS, BNT, dan [ʉ] di KK dan TGB.
8. /e/ hanya muncul dalam suku kata akhir, yang kadangkalanya memperlihatkan alofon [ɛ]. Begitu juga dengan /o/ dan alofonnya [ɔ] hanya muncul pada suku akhir.
9. /a/ muncul dalam kedua-dua suku kata. Suku praakhir direalisasi sebagai [a]. Dan dalam suku akhir, beragam sekali alofonnya; [a] di SR, BRS, KK, BNT dan [ɒ] di TGB sebelum nasal; [ʌ] di TGB sebelum letupan /p/; [ɛ] dan [æ] sebelum /t/ dan /s/; dan [ɐ] sebelum /h/.

Rekonstruksi Konsonan DHPP

Hasil perbandingan terhadap kelima-lima varian di Hulu Pahang memperlihatkan adanya sebanyak 18 buah konsonan, iaitu *p, *b, *t, *d, *k, *g, *s, *ɣ, *h, *tʃ, *dʒ, *l,*m, *n, *ɲ, *ŋ, *w dan *y.

Konsonan Letupan

Enam buah konsonan letupan DHPP direkonstruksi berdasarkan kewujudan kesepadanan yang teratur yang diperlihatkan oleh kesemua konsonan tersebut dalam perangkat kesepadanan bunyi. Keenam-enam konsonan letupan ini muncul pada posisi awal, tengah dan akhir kata kecuali konsonan *b, *d dan *g yang hanya muncul dalam kata pinjaman. Kesemua konsonan ini direfleks secara langsung dari Melayik Purba (selepas ini MP) *p, *b, *t, *d, *k dan *g. Kehadiran konsonan-konsonan ini dalam varian di Hulu Pahang adalah seperti dalam contoh-contoh berikut.

*p

MP *pisaw ‘pisau’ > DHPP *pisa; SR, BRS dan TGB pisɐ; KK dan BNT pisa. MP *ipaɣ ‘ipar’ > DHPP *ipa; SR, BRS dan BNT ipɐː; KK dan TGB ipɐ^{ə}. MP *hatəp ‘atap’ > DHPP *atap; SR, BRS, KK dan BNT ataʔ; TGB atʌʔ.

*b

MP *bulət ‘bulat‘ > DHPP *bulat; SR bulɛʔ; BRS bulaʔ; KK, TGB dan BNT bulæʔ. MP *ɣambut ‘rambut’ > DHPP *ɣambut; SR, BRS dan BNT ɣambʊʔ; KK dan TGB ɣambuʔ. MP *təbəl ‘tebal’ > DHPP *təba; SR, KK dan BNT təbɛ; BRS təba^{ɛ}; TGB təbæ

*t

MP *taɣik ‘tarik’ > DHPP *taɣik; SR, BRS, KK, TGB dan BNT taɣeʔ. MP *hitəm ‘hitam’ > DHPP *ita; SR, BRS, KK dan BNT ita; TGB itɒ. MP *bukit ‘bukit’ > DHPP *bukit; SR, BRS, KK, TGB dan BNT bukeʔ

*d

MP *dua(ʔ) ‘dua’ > DHPP *duə; SR dan BNT duɨ; BRS, KK dan TGB duə. MP *tanduʔ ‘tanduk’ > DHPP *tanduk; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tandoʔ. MP *hiduŋ ‘hidung’ > DHPP *hiduŋ; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ido.

*k

MP *kulit ‘kulit’ > DHPP *kulit; SR, BRS, KK, TGB dan BNT kuleʔ. MP *muka ‘muka’ > DHPP *mukə; SR dan BNT mukɨ; BRS, KK dan TGB mukə. MP *u(n)tək ‘otak’ > DHPP *utak; SR, BRS, KK dan BNT ɔtɐʔ; TGB otɐʔ

*g

MP *gəmuk ‘gemuk’ > DHPP *gəmuk; SR, BRS, KK, TGB dan BNT gəmuʔ. MP *gigit ‘gigit’ > DHPP *gigit; SR, BRS, KK, TGB dan BNT gigeʔ. MP *pagi ‘pagi’ > DHPP *pagi; SR, BRS, KK, TGB dan BNT pagi^{ɣ}.

Status [ʔ] Varian-Varian Hulu Pahang

Jikalau diperhatikan contoh-contoh yang dipaparkan, mungkin timbul persoalan mengenai status hentian glotal yang muncul pada akhir kata dalam kelima-lima varian tersebut, namun tidak direkonstruksi dalam DHPP. Berdasarkan informasi yang diperoleh di Hulu Pahang dan dialek-dialek Semenanjung yang lain, didapati bahawa kemunculan [ʔ] pada posisi tersebut hanyalah perubahan fonetik, yakni muncul akibat proses fonologi am dialek Melayu yang mengubah

beberapa konsonan letupan akhir kata, misalnya /p/, /t/ dan /k/ kepada [ʔ]. Malah, dari segi pasangan minimal pun, yang lazimnya menimbulkan pertentangan fonemik antara /k/ dan /ʔ/, tidak terdapat di Hulu Pahang dan dialek-dialek Melayu Semenanjung kecuali di Pulau Tioman (Collins 1985). Oleh sebab itulah hentian glotal tidak direkonstruksi pada tahap DHPP. Adelaar (1992) sendiri pun dalam rekonstruksi MP beliau hanya merekonstruksi *ʔ yang disandarkan kepada bahasa Iban.

Konsonan Geseran

DHPP memiliki tiga buah konsonan geseran, yakni geseran alveolar *s, geseran velar *ɣ dan geseran glotal *h. Geseran *s muncul pada semua posisi, *ɣ hanya muncul pada awal dan tengah kata dan *h muncul pada tengah dan akhir kata. Ketiga-tiganya juga adalah refleks dari MP *s, *ɣ dan *h. Contoh-contoh kemunculan konsonan-konsonan ini di Hulu Pahang adalah seperti berikut:

*s

MP *suŋay 'sungai' > DHPP *suŋa; SR, KK dan BNT suŋɛ; BRS suŋa^{ɛ}; TGB suŋæ. MP *pusət 'pusat' > DHPP *pusat; SR, KK, TGB dan BNT pusæʔ; BRS pusaʔ. MP *bəɣas 'beras' > DHPP *bəɣas; SR bəɣɛç; BRS bəɣah; KK, TGB dan BNT bəɣæh

*ɣ

MP *ɣumah 'rumah' > DHPP *ɣumah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ɣumɐh. MP *taɣik 'tarik' > DHPP *taɣik; SR, BRS, KK, TGB dan BNT taɣeʔ. MP *uɣaŋ 'orang' > DHPP *uɣa; SR, BRS, KK dan BNT ɔɣa; TGB oɣa.

*h

MP *daɣah 'darah' > DHPP *daɣah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT daɣɐh. MP *ɣumah 'rumah' > DHPP *ɣumah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ɣumɐh. MP *tahu(ʔ) 'tahu' > DHPP *tahu; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tau^{w}. MP *paha 'paha' > DHPP *pəhə; SR dan BNT pəhɨ; BRS, KK dan TGB pəhə.

Konsonan Geseran Velar Akhir Dan Geseran Glotal Tengah Kata

Konsonan geseran velar bersuara, /ɣ/, direkonstruksi sebagai DHPP *ɣ. Penetapan rekonstruksi ini bersebabkan terdapatnya kesepadanan yang teratur dalam kelima-lima varian yang dikaji. Rekonstruksi DHPP *ɣ itu ditetapkan pada tiga posisi; awal kata, antarvokal dan posisi yang ketiga adalah pada urutan /-ɣb-/. Sembari itu, perlu dinyatakan bahawa rekonstruksi DHPP *ɣ tidak dilakukan pada posisi akhir kata. Ini kerana tidak terdapatnya bukti-bukti dari lapangan

yang boleh dijadikan sandaran buat merekonstruksi konsonan ini pada posisi tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan sedikit penghalusan.

Pada posisi akhir kata, konsonan *ɣ memang tidak muncul dalam dialek Hulu Pahang, tetapi yang kelihatannya adalah berlaku proses fonologi lain pula. Proses fonologi yang berlaku kepada konsonan *ɣ telah merubah konsonan ini dari yang bercirikan [+ konsonantal] menjadi [- konsonantal] seperti yang dapat dikesan melalui contoh-contoh di bawah ini.

MP *bəsaɣ 'besar' > SR dan BNT bəsɐ:; BRS, KK dan TGB bəsɐ^{ə}. MP *hiliɣ 'hilir' > SR dan BNT ilɛ:; BRS, KK dan TGB ilɛ^{ə}. MP *təluɣ 'telur' > SR dan BNT təlɔ:; BRS, KK dan TGB təlɔ^{ə}

Daripada contoh-contoh yang dikemukakan di atas itu, proses fonologi yang berlaku bolehlah dirumuskan seperti ini, iaitu MP *ɣ ⟶ [:] [ə]. Sebenarnya, proses fonologi yang merubah konsonan *ɣ dari bercirikan [+ konsonantal] menjadi [- konsonantal] merupakan sesuatu yang juga umum dalam dialek-dialek Melayu. Sekurang-kurangnya begitulah pandangan Collins (1983a, 1996). Proses fonologi yang berlaku itu tidak lagi mengekalkan fonem *ɣ tetapi menghasilkan beberapa bentuk fonetik lain, misalnya [:], [ə] dan [wə].

Menghuraikan dengan lebih lanjut lagi mengenai fenomena ini, Collins dalam tulisannya yang sama (Collins 1983a: 24, 1996: 100), menyatakan bahawa memang *ɣ digugurkan pada posisi akhir kata dalam kebanyakan dialek-dialek Melayu. Akan tetapi, tambah beliau, pengguguran itu tidaklah menghilangkan terus ciri konsonan *ɣ. Ini kerana perubahan *ɣ kepada beberapa bentuk fonetik tersebut masih mengekalkan ciri akustis konsonan geseran velar itu. Pandangan Collins itu sepertinya berbeza dengan pandangan Asmah. Bagi Asmah (1977, 2008) pula, *ɣ pada posisi ini digugurkan dan pengguguran itu melenyapkan terus ciri konsonan tersebut dalam dialek Pahang.

Oleh itu, untuk rekonstruksi di sini, jikalau berangkat dari pandangan Collins, maka konsonan DHPP *ɣ wajar direkonstruksi pada posisi akhir kata. Tetapi, tidak demikian jika pandangan Asmah diterima. Jadinya, disebabkan adanya dua pandangan yang agak kontradik, muncul pertanyaan akan ketepatannya dan kesesuaiannya dengan kajian ini. Untuk membuat pilihan sama ada perlu atau tidak rekonstruksi konsonan *-ɣ pada posisi akhir, di sini pengkaji ingin memetik secara *verbatim* pandangan Zaharani mengenai ciri pemanjangan, iaitu [:] (dan mungkin ciri pelemahan juga) dalam bahasa Melayu. Menurut Zaharani (2000: 1203):

> "Suatu perkara yang perlu ditegaskan berhubung dengan pemanjangan vokal ini ialah penutur natif tidak begitu peka dengan kewujudannya dalam sistem fonologi bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana panjang pendek vokal sememangnya tidak bersifat fonemik dalam bahasa Melayu…Bukti luaran seperti sistem tulisan turut menunjukkan bahawa ciri kepanjangan tidak digunakan dalam sistem ejaan bahasa Melayu."

Jelas seperti yang dinyatakan dalam petikan di atas bahawa ciri pemanjangan dalam bahasa Melayu dan dialek Melayu tidaklah fonemik sifatnya. Sebaliknya, ciri itu hanya bersifat fonetik. Justeru itu, dengan berpegang pada pandangan Zaharani tersebut, ciri pemanjangan, [:],

dan pelemahan *schwa*, [ə], yang terhasil daripada proses fonologi yang melibatkan konsonan *ɣ akhir itu, bukanlah ciri yang wajar dijadikan sandaran rekonstruksi konsonan *ɣ pada posisi akhir kata. Malah, andaian mengenai ketiadaan rekonstruksi konsonan *ɣ pada posisi akhir juga tidaklah menyimpang daripada rekonstruksi konsonan-konsonan yang lain pada posisi akhir. Hal ini kerana rekonstruksi yang lain itu turut juga tidak membenarkan rekonstruksi beberapa konsonan pada posisi ini, misalnya konsonan nasal dan konsonan lateral.

Rekonstruksi Konsonan Nasal

Empat buah konsonan nasal DHPP direkonstruksi, iaitu *m, *n, *ɲ dan *ŋ. Kesemua konsonan ini muncul pada awal dan akhir kata. Pada akhir kata, kesemuanya digugurkan dalam varian-varian yang dibandingkan tanpa nasalisai segmen sebelumnya, kecuali nasal *ŋ dalam varian BNT yang tetap memperlihatkan nasalisasi vokal sepertilah juga gejala di Temerloh (Collins 1983). Keempat-empat nasal DHPP ini merupakan turunan secara langsung dari MP *m, *n, *ɲ dan *ŋ. Kehadirannya dalam kelima-lima varian dialek Hulu Pahang adalah seperti berikut:

MP *ma-iɣah ‘merah’ > DHPP *miɣah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT meɣɐh. MP *limpaɣ ‘lempar’ > DHPP *limpa; SR dan BRS limpɐː; KK, TGB dan BNT limpɐᵊ. MP *naik ‘naik’ > DHPP *naik; SR, BRS, KK, TGB dan BNT naiʔ. MP *panas ‘panas’ > DHPP *panas; SR panɛç; BRS panah; KK, TGB dan BNT panæh. MP *ɲamuk ‘nyamuk’ > DHPP *ɲamuk; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ɲamuk. MP *ŋaŋa(ʔ) > DHPP *ŋaŋə; SR dan BNT ŋaŋi; BRS, KK dan TGB ŋaŋə. MP *ambil/k ‘ambil’ > DHPP *ambik; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ambeʔ. MP *taŋkap ‘tangkap’ > DHPP *taŋkap; SR, BRS, KK dan BNT taŋkaʔ; TGB taŋkʌʔ. MP *aɲdʒiŋ ‘anjing’ > DHPP *aɲdʒi; SR, BRS, KK, TGB dan BNT aɲdʒe. MP *tumpul ‘tumpul’ > DHPP *tumpu; DR, BRS dan BNT tumpʉ; KK dan TGB tumpʊ. MP *tanduk ‘tanduk’ > DHPP *tanduk; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tandoʔ.

Konsonan Letusan

DHPP memiliki dua buah konsonan letusan, *tʃ dan *dʒ, yang muncul pada posisi awal dan tengah kata. Rekonstruksi kedua-dua buah konsonan ini ditentukan bersebabkan adanya kesepadanan yang teratur dalam varian-varian yang dibandingkan yang dapat pula dilihat dalam contoh-contoh di bawah ini.

MP *tʃatʃiŋ ‘cacing’ > DHPP *tʃatʃi; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tʃatʃe. MP *tʃabut ‘cabut’ > DHPP *tʃabut; SR, BRS dan BNT tʃabʉʔ; KK dan TGB tʃabʊʔ. MP *dʒauh ‘jauh’ > DHPP *dʒauh; SR, BRS, KK, TGB dan BNT dʒaoh. MP *laki ‘lelaki’ > DHPP *dʒanta; SR dʒantɛ; BRS dʒantaᵋ; KK lːaki; TGB dan BNT dʒantæ.

Konsonan Lateral

DHPP juga memiliki sebuah konsonan lateral, *l, yang diturunkan secara linear dari MP. Konsonan lateral DHPP ini hanya muncul pada awal dan tengah kata. Pada akhir kata konsonan ini mengalami pengguguran, dan ini dibuktikan bersebabkan tidak munculnya konsonan ini dalam semua varian-varian yang dibandingkan. Gejala yang sama juga terjadi di Temerloh walaupun Collins menggelarkannya sebagai pelemahan, iaitu dari bercirikan [+ konsonantal] menjadi [- konsonantal] (Collins 1983). Contoh-contoh refleks DHPP *l dalam varian SR, BRS, KK, TGB dan BNT adalah seperti berikut:

MP *ləmək 'lemak' > DHPP *ləmak; SR, BRS, KK, TGB dan BNT ləmɐʔ. MP *ulaɣ 'ular' > DHPP *ula; SR dan BRS ulɐː; KK, TGB dan BNT ulɐᵊ. MP *bantal 'bantal' > DHPP *banta; SR bantɛ; BRS bantaᵋ; KK, TGB dan BNT bantæ

Separuh Vokal

DHPP *w dan *y direkonstruksi sebagai fonem purba bersebabkan kesepadanan yang teratur diperlihatkan oleh kelima-lima varian dialek Hulu Pahang. Penetapan rekonstruksi kedua-dua buah fonem purba ini ditentukan kerana kemunculannya pada posisi antarvokal, yakni *w dalam lingkungan a_a, a_u, u_a dan u_u, manakala *y dalam lingkungan a_ə. DHPP *w dan *y yang juga merupakan warisan MP muncul dalam kesemua varian yang dibandingkan sebagaimana contoh-contoh di bawah.

MP *awak 'awak' > DHPP *awak; SR dan BNT ɐʔ; BRS dan KK awɐʔ; TGB aʷɐʔ. MP *sawaʔ 'sawa' > DHPP *sawə; SR dan BNT sawɨ; BRS, KK dan TGB sawə. MP *hayam 'ayam' > DHPP *aya; SR, BRS, KK dan BNT aya; TGB ayɒ. MP *kayuʔ 'kayu' > DHPP *kayu; SR, BRS, KK, TGB dan BNT kayuʷ

Rekonstruksi Vokal DHPP

DHPP memiliki empat buah vokal, iaitu *i, *a, *ə dan *u. Vokal DHPP ini menyamai vokal dalam MP (Adelaar 1992).

Vokal Tinggi

Vokal depan tinggi DHPP *i hadir pada semua posisi suku kata dalam kelima-lima varian yang dibandingkan. Pada posisi suku kata praakhir, DHPP *i tetaplah muncul sebagai [i]. Walau bagaimanapun, refleks DHPP *i pada posisi suku kata akhir memperlihatkan *kebhinekaan,* tidak tunggal seperti pada posisi suku kata praakhir. Pada posisi ini, DHPP *i muncul dalam beberapa

fon yang berbeza, misalnya [i], [e], [ɛ], [i:] dan [iy]. Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh yang menunjukkan kehadiran DHPP *i dalam varian SR, BRS, KK, TGB dan BNT.

MP *ikan 'ikan' > DHPP *ika; SR dan KK ikɛ; BRS ika^{ɛ}; TGB dan BNT ikæ. MP *inum 'minum' > DHPP *minu; SR, BRS, KK, TGB dan BNT minu:. MP *ipaɣ 'ipar' > DHPP *ipa; SR dan BRS ipɐ:; KK, TGB dan BNT ipɐ^{ə}. MP *api 'api' > DHPP *api; SR, BRS, KK, TGB dan BNT api^{y}. MP *laŋit 'langit' > DHPP *laŋit; SR, BRS, KK, TGB dan BNT laŋiʔ. MP *kəniŋ 'kening' > DHPP *kəni; SR kəniɛ; BRS, KK, TGB dan BNT kəni:

Vokal DHPP *u juga hadir pada semua posisi suku kata, sama seperti DHPP *i. Vokal purba ini ditetapkan rekonstruksinya berdasarkan kesepadanan yang teratur yang diperlihatkan oleh kesemua varian yang dikaji. Persebaran vokal DHPP *u pada posisi suku kata praakhir muncul sebagai [u]. Berbeza fenomenanya pada suku kata akhir yang memperlihatkan beberapa bentuk, misalnya [u] [u:], [uw], [ʉ], [ʊ], [o] dan [ɔ]. Berikut adalah contoh-contoh refleks DHPP *u yang juga merupakan warisan MP *u.

MP *uləɣ 'ular' > DHPP *ula; SR dan BRS ulɐ:; KK, TGB dan BNT ulɐ^{ə}. MP *tuɣun 'turun' > DHPP *tuɣu; SR, BRS dan BNT tuɣʉ; KK dan TGB tuɣʊ. MP *tumbuk 'tumbuk' > DHPP *tumbuk; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tumboʔ. MP *tuŋkuʔ 'tungku' > DHPP *tuŋku; SR, BRS, KK, TGB dan BNT tuŋku^{w}. MP *sikuʔ 'siku' > DHPP *ʂiku; SR, BRS, KK, TGB dan BNT siku^{w}. MP *inum 'minum' > DHPP *minu; SR, BRS, KK, TGB dan BNT minu:

Ada beberapa persoalan yang perlu dijelaskan mengenai rekonstruksi vokal DHPP *i dan *u ini. Bahasa purba yang lebih tinggi tahapnya, misalnya BAP yang buat pertama kalinya telah direkonstruksi oleh Otto Dempwolff dalam mahakarya tiga jilidnya itu (Dempwolff 1937, 1938), dan diperbaiki pula beberapa bahagian tertentu rekonstruksi Dempwolf antaranya oleh Dyen (1951, 1953a, 1953b, 1965a, 1965b), Dahl (1973) serta Blust (1969, 1970, 1974, 1982), juga MP yang direkonstruksi oleh Adelaar dalam disertasi kedoktorannya dan diterbitkan dalam siri *Pacific Linguistic* (Adelaar 1992), menunjukkan bahawa pada kedua-dua tahap bahasa purba tersebut juga memiliki vokal *i dan *u.

Berdasarkan kenyataan tersebut, perkara itu bererti bahawa DHPP *i dan *u mengekalkan vokal bahasa purba-bahasa purba itu. Walau bagaimanapun, persoalan yang berhubungan dengan perkara yang akan dibincangkan di sini adalah mengapa vokal *i dan *u yang direkonstruksi pada tahap DHPP, sedangkan dialek Hulu Pahang secara umumnya memperlihatkan kehadiran dua vokal lain lagi, iaitu /e/ dan /o/.

Sebelum menyentuh mengenai persoalan ini, kiranya sangat relevan untuk diutarakan pandangan Collins (1983b, 1985) dan Adelaar (1992) yang ada hubungannya dengan apa yang ingin diperkatakan di sini. Berkait dengan rekonstruksi vokal *i dan *u dalam bahasa purba yang menurunkan dialek Hulu Pahang, kedua-dua sarjana ini berpendapat bahawa dasar kepada

rekonstruksinya tidak lain dari kenyataan bahawa terdapatnya berbagai-bagai dialek Melayu yang masing-masingnya tidak mengalami pemisahan vokal *i dan *u. Walaupun bahasa Melayu baku, misalnya, menunjukkan pemisahan vokal *i > [i] dan [e], *u > [u] dan [o], tetapi banyak dialek Melayu yang lain tidak memperlihatkan pemisahan fonemik ini.

Banyak contoh dialek Melayu menunjukkan gejala demikian, antaranya dialek Kerinchi yang dikaji oleh Prentice dan Hakim (1978), dialek Ulu Terengganu dan dialek Pulau Tioman yang kedua-duanya dikaji oleh Collins (1983b; 1985) dan juga dialek Brunei yang dikaji oleh Jaludin (2003). Dalam dialek-dialek yang disenaraikan ini menurut pengkaji-pengkajinya tidaklah memperlihatkan pemisahan fonemik antara vokal *i dan *u seperti yang terjadi dalam bahasa Melayu baku itu. Sebaliknya, dialek-dialek tersebut tetaplah mengekalkan kedua-dua vokal purba *i dan *u.

Menurut Collins (1983b, 1985) ketika membincangkan mengenai gejala ini bahawa tidak mungkin berlaku peminjaman antara dialek-dialek tersebut kerana letak geografi dialek-dialek itu sangat jauh untuk membolehkan berlakunya proses pinjam-meminjam. Jadi, bagi Collins, yang harus dipertimbangkan mengenai gejala tersebut bukannya peminjaman tetapi pengekalan fonem purba atau retensi. Tambahnya lagi, pemisahan yang terjadi dalam bahasa Melayu baku itu dan dalam beberapa dialek Melayu lain, antaranya dialek Johor dan dialek Selangor, merupakan perkembangan yang terjadi kemudian (Collins 1989).

Mengenai faktor yang kedua pula, Collins (1985: 379) dan Adelaar (1992) berpendapat bahawa yang mengharuskan rekonstruksi kedua-dua vokal tersebut itu terletak pada penyebaran vokal /e/ dan /o/ dalam dialek-dialek Melayu yang mengalami pemisahan ini. Tetapi gejala itu sebenarnya tidak menunjukkan keselarasan. Ertinya, tidak semua kosa kata dalam dialek-dialek itu memperlihatkan kehadiran vokal /i/ /e/ dan /u/ /o/. Ada kata-kata tertentu yang membenarkan kehadiran vokal-vokal ini dalam posisi yang sama dan ada yang tidak. Atau dengan kata lainnya, vokal /i/ dan /e/ atau /u/ dan /o/ itu diturunkan dari sumber vokal yang berlainan. Lalu, apa pula kaitannya kedua-dua faktor yang dikemukakan oleh Collins dan Adelaar dengan rekonstruksi vokal DHPP *i dan *u?

Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan sebelum ini bahawa penetapan vokal *i dan *u sebagai vokal DHPP dibuat bersebabkan terdapatnya kesepadanan bunyi yang muncul melalui vokal-vokal ini dalam varian SR, BRS, KK, TGB dan BNT. Berhubung dengan perkara ini, kemunculan vokal DHPP *i dan *u pada posisi suku kata praakhir dalam varian-varian tersebut tetaplah memperlihatkan bentuk [i] dan [u], masing-masingnya seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah.

DHPP *ika ‘ikan’ > SR ikɛ; BRS ika^{ɛ}; KK, TGB dan BNT ikæ. DHPP *idu ‘hidung’ > SR, BRS, KK, TGB dan BNT ido. DHPP *limə ‘lima’ > SR dan BNT limə; BRS, KK dan TGB limɨ. DHPP *ula ‘ular’ > SR dan BRS ulɐ:; KK, TGB dan BNT ulɐ^{ə}. DHPP *tula ‘tulang’ > SR, BRS dan KK tula; TGB tulɒ; BNT tulã. DHPP *tuŋku ‘tungku’ > SR, BRS, KK, TGB dan BNT tuŋku^{w}

Walau bagaimanapun, pada posisi suku kata akhir, gejalanya lebih berbelit-belit lagi. Pada posisi ini, vokal DHPP *i dan *u bukan lagi muncul dalam realisasi yang tunggal tetapi

cukup beragam sekali. Pertamanya, vokal DHPP *i dan *u tetap kekal sebagai [i] dan [u]. Misalnya,

DHPP *kəni 'kening' > SR kəniɛ; BRS, KK, TGB dan BNT kəni:. DHPP *laŋit 'langit' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT laŋi?. DHPP *api 'api' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT api^{y}. DHPP *minu 'minum' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT minu:. DHPP *ɲamuk 'nyamuk' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT ɲamu?. DHPP *abu 'abu' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT abu^{w}

Keduanya, vokal DHPP *i dan *u masing-masingnya mengalami perendahan kepada [e] dan [o] persis seperti gejala dalam bahasa Melayu baku dan dalam beberapa dialek Melayu yang lain. Perendahan yang dimaksudkan, misalnya:

DHPP *dagi 'daging' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT dage. DHPP *bukit 'bukit' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT buke?. DHPP *putih 'putih' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT puteh. DHPP *idu 'hidung' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT ido. DHPP *idup 'hidup' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT ido?. DHPP *dʒauh 'jauh' > SR, BRS, KK, TGB dan BNT dʒaoh

Ketiganya, kedua-dua vokal DHPP *idan *u masing-masingnya juga turut muncul dalam beberapa bentuk fonetik yang lain dalam kesemua varian yang dikaji di Hulu Pahang, antara contoh-contohnya ialah:

DHPP *ili 'hilir' > SR dan BRS ilɛ:; KK dan BNT ilɛ^{ə}; TGB ile^{ə}. DHPP *lutut 'lutut' > SR, BRS dan BNT lutʉ?; KK dan TGB lutʊ?. DHPP *tidu 'tidur' > SR dan BRS tidɔ:; KK dan BNT tidɔ^{ə}; TGB tido^{ə}

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, dapatlah dipadankan dengan kedua-dua faktor yang dibicarakan sebelum ini. Dan, faktor-faktor itulah yang mewajarkan hanya dua vokal direkonstruksi pada tahap DHPP, iaitu vokal *i dan *u, masing-masing. Korelasi yang ditunjukkan oleh contoh-contoh kelima-lima varian yang dikaji dengan faktor pertama sangat jelas. Bahawa dalam varian-varian ini, walaupun kedua-dua vokal DHPP *i dan *u muncul dalam bentuk-bentuk fonetik yang beragam pada posisi suku kata akhir, iaitu *i > [i], [i:], [iy], [e] dan [ɛ], dan *u > [u], [u:], [uw], [o], [ɔ], [ʉ] dan [ʊ], namun keragaman bentuk itu hanyalah bersifat fonetik sahaja, variasinya atau alofonnya sahaja, bukannya bersifat fonemik yang membentuk sebuah fonem yang autonom. Ertinya, bentuk-bentuk vokal yang terbit daripada vokal DHPP *i dan *u itu tidaklah mengalami pemisahan yang fonemik.

Korelasi contoh-contoh yang tersebut dalam perenggan-perenggan sebelum ini dengan faktor kedua juga jelas. Dalam hal ini, walaupun kedua-dua vokal purba ini, DHPP *i dan *u, muncul dalam bentuk fonetik yang cukup beragam sekali tetapi keragaman itu tidaklah selaras

kehadirannya dalam kata-kata. Mengenai hal ini, ada kata-kata tertentu yang masih mengekalkan kedua-dua vokal tinggi, [i] dan [u], pada posisi suku kata akhir, misalnya:

[laŋiʔ] 'langit'
[kuɲiʔ] 'kunyit'
[kəni:] 'kening'
[api^{y}] 'api'
[ɲamuʔ] 'nyamuk'
[gəmuʔ] ;gemuk'
[minu:] 'minum'
[abu^{w}] 'abu'

Di samping itu juga, ada pula kata-kata yang memperlihatkan bentuk fonetik yang lain, yang dianggapkan sebagai variasi atau alofon bagi vokal purba yang direkonstruksi misalnya:

[bukeʔ] 'bukit'
[dagɐ] 'daging'
[ilɛ:][ilɛ^{ə}][ilɐ^{ə}] 'hilir'
[tumpʉ][tumpʊ] 'tumpul'
[buɣo] 'burung'
[təlɔ:][təlɔ^{ə}][təlo^{ə}] 'telur'

Justeru itulah, yakni dengan berdasarkan kedua-dua faktor dan contoh-contoh yang diambil daripada kelima-lima varian di Hulu Pahang yang dikaji di sini, maka dengan faktor dan contoh itu fonem purba yang wajar direkonstruksi pada tahap DHPP ialah *i dan *u.

Mungkin agak menarik untuk melihat persamaan yang wujud antara dialek Hulu Pahang dengan dialek Pulau Tioman dalam hal kedua-dua vokal tinggi ini. Dalam dialek Pulau Tioman, vokal /ɐ/ dan /o/ muncul dalam kebanyakan kata, misalnya (Collins 1985: 379),

[hotak^{ˀ}] 'otak'
[oɣaŋ] 'orang'
[ekoʔ] 'ekor'
[lehe^{ə}] 'leher'
[kolet] 'kulit'
[ɣomah] 'rumah'
[otan] 'hutan'
[esap] 'isap'
[tekam] 'tikam'
[edop] 'hidup'

Walaupun dalam senarai kata di atas memperlihatkan kehadiran vokal /e/ dan /o/, namun terdapat pula sederetan kata yang tetap mengekalkan vokal *i dan *u, misalnya:

[idoŋ] 'hidung'
[lidah] 'lidah'
[diɣi] 'diri'
[bunuh] 'bunuh'
[numbokˀ] 'tumbuk'
[bukak] 'buka'

Justeru itulah, Collins (1985b: 380), disebabkan inovasi *i dan *u menjadi /e/ dan /u/ masing-masing seperti dalam paparan pertama itu, dan retensi *i dan *u dalam paparan kedua, mencatat bahawa "kalau begitu, rekonstruksi BAK (Bahasa Austronesia Kuno) dengan dua vokal tinggi tanpa sebarang vokal madya depan atau belakang sudah disokong."

Fenomena yang diperlihat oleh dialek Pulau Tioman ini sama seperti yang terjadi dalam dialek Hulu Pahang, iaitu vokal [i] [e] [u] dan [o] muncul dalam masa yang sama. Tetapi, kemunculan vokal tinggi yang mengalami perendahan kepada vokal depan atau belakang madya, [e] dan [o], tidak pula selaras. Dalam kata-kata tertentu, kedua-dua vokal madya itu muncul, dan ada juga yang mengalami perendahan kepada vokal [ɛ] dan [ɔ]. Malah dalam varian tertentu pun, kemunculannya juga tidak selaras. Misalnya, varian TGB mengekalkan vokal depan dan belakang madya dalam kata-kata tertentu yang mengalami perendahan kepada [ɛ] dan [ɔ] dalam varian-varian yang lain. Sebab itulah, kajian ini tetap mempertahankan rekonstruksi vokal tinggi depan dan belakang tanpa kedua-dua vokal madya untuk DHPP.

Jika peninjauan kita diluaskan lagi merangkumi dialek Kelantan dan dialek Ulu Terengganu, kita juga akan berhadapan dengan fenomena yang sama. Dalam dialek Kelantan misalnya, kita melihat senarai kata seperti berikut (Ajid 1984):

[pipi] 'pipi'
[kəpi] 'air kopi'
[ddiɣi] 'berdiri'
[dʒaɣi] 'jari'
[paɣeʔ] 'parit'
[ɣakeʔ] 'rakit'
[taɣeʔ] 'tarik'
[ɛsoʔ] 'esok'
[ɛlɔ] 'ela'
[sɛpaʔ] 'sepak'
[ula] 'ular'
[upɔh] 'upah'
[upeh] 'upih'
[kubo] 'kubur'

[puyoʔ] ‘periuk’
[tupo] ‘tumpul’
[tido] ‘tidur’
[ɔlɔ] ‘hulur’
[ɔtɔʔ] ‘otak’

Dalam dialek Ulu Terengganu pula, fenomena lain yang terjadi. Di kawasan ini, vokal *i dan *u tidak mengalami pemisahan kepada [e] dan [o]. Sebaliknya, vokal purba tersebut diretensikan dalam dialek itu. Hal ini terbukti dalam data-data yang ditampilkan di bawah (Collins 1983b).

[utɐʔ] ‘otak’
[utaŋ] ‘rotan’
[uɣaŋ] ‘orang’
[iku^{ə}] ‘ekor’
[ikaŋ] ‘ikan’
[miɣɐh] ‘merah’
[lipɐ^{ə}] ‘lempar’

Retensi vokal *i dan *u tidak sahaja terjadi dalam dialek Ulu Terengganu, malah terus berlanjutan hingga ke Hulu Tembeling. Kedua-dua dialek ini terus mengekalkan fonem purba dalam kesemua keadaan, sedangkan dalam kata-kata tertentu fonem purba tersebut telah menginovasi seperti yang terlihat dalam dialek Pulau Tioman dan dialek Kelantan melalui data-data yang dipaparkan di atas.

Penjelasan munasabah mengenai adanya fenomena yang hampir sama dalam dialek-dialek tersebut, iaitu retensi vokal *i dan *u adalah disebabkan pinjaman antardialek. Penjelasan ini dapat pula dikaitkan dengan lokasi kesemua dialek itu yang terletak di Pantai Timur Semenanjung. Melihat kepada keadaan seperti ini, iaitu dengan adanya persamaan fenomena antara dialek Hulu Pahang dengan dialek-dialek Pantai Timur yang lain, mewajarkan rekonstruksi DHPP *i dan *u dibuat.

Vokal Tengah

Dua buah vokal tengah direkonstruksi pada tahap DHPP, iaitu vokal *a dan *ə. Vokal DHPP *a hadir pada posisi suku kata praakhir dan suku kata akhir. Vokal ini direkonstruksi berdasarkan keteraturan yang ditunjukkan dalam kesepadanan bunyi oleh vokal ini dalam kesemua varian yang dikaji. Refleks DHPP *a < MP *a dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah.

MP *aiɣ ‘air’ > DHPP *ai; SR dan BRS aɛː; KK dan BNT aɛ^{ə}; TGB ae^{ə}. MP *akaɣ ‘akar’ > DHPP *aka; SR dan BRS akɐː; KK, TGB dan BNT akɐ^{ə}. MP *asəp ‘asap’ > DHPP *asap; SR, BRS, KK dan BNT asaʔ; BNT asʌʔ. MP *bakaɣ ‘bakar’ > DHPP *baka; SR dan BRS bakɐː; KK, TGB dan BNT bakɐ^{ə}. MP *bintaŋ ‘bintang’ > DHPP *binta; SR,

BRS dan KK binta; TGB bintɒ; BNT bintã. MP *dayah ‘darah’ > DHPP *dayah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT dayɐh

Walau bagaimanapun, penetapan rekonstruksi bagi vokal DHPP *a seperti yang dimaksudkan di atas itu memerlukan sedikit penjelasan. Hal ini bersebabkan realisasi vokal tersebut yang begitu beragam terutamanya pada posisi suku kata akhir. Sebelum pergi kepada penjelasannya, perhatikan terlebih dahulu realisasi vokal DHPP *a pada posisi suku kata akhir dalam jadual di bawah ini.

Jadual 1: Kesepadanan vokal /a/

POSISI	SR	BRS	KK	TGB	BNT
/-an/	[-ɛ]	[-a^{ɛ}]	[-ɛ]	[-æ]	[-æ]
/-at/	[-ɛʔ]	[-aʔ]	[-æʔ]	[-æʔ]	[-æʔ]
/-as/	[-ɛh]	[-ah]	[-æh]	[-æh]	[-æh]
/-ak/	[-ɐʔ]	[-ɐʔ]	[-ɐʔ]	[-ɐʔ]	[-ɐʔ]
/-ah/	[-ɐh]	[-ɐh]	[-ɐh]	[-ɐh]	[-ɐh]
/-ay/	[ɐ:]	[ɐ:]	[-ɐ^{ə}]	[-ɐ^{ə}]	[-ɐ^{ə}]

Terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan berdasarkan maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 1 di atas. Pada perangkat kesepadanan pertama, iaitu /ɛ : a^{ɛ} : ɛ : æ : æ/, kesepadanan yang kedua, iaitu /ɛ : a : æ : æ : æ/ dan kesepadanan yang ketiga, iaitu /ɛ : a : æ : æ : æ/, vokal *a itulah yang ditetapkan sebagai fonem vokal DHPP. Vokal *a tersebut dipilih juga walaupun dari segi perangkat kesepadanannya memperlihatkan bahawa bunyi vokal itu tidaklah memenuhi prinsip distribusi yang paling dominan.

Dalam hal ini, memang penyebaran vokal [a] tidak dominan untuk membolehkan vokal ini direkonstruksi secara sahih. Tetapi, walau bagaimanapun, pada perangkat kesepadanan tersebut proses yang lain pula sebenarnya yang terjadi. Proses inilah yang perlu difahami terlebih dahulu bagi mengesahkan rekonstruksi vokal yang telah dibuat. Penetapan rekonstruksi DHPP *a dibuat adalah bersebabkan adanya proses fonologi yang terjadi dalam dialek Pahang. Proses fonologi ini memperlihatkan bahawa vokal yang hadir pada posisi sebelum konsonan koronal akan mengalami perubahan nilai, iaitu daripada fonem vokal yang berciri [- depan] menjadi fonem vokal yang bercirikan [+ depan]. Lihat Collins (1983a); Ajid dan Mohd Tarmizi (2009) juga. Proses fonologi yang terjadi itu tidaklah menghasilkan suatu fonem vokal yang bersifat fonemik, yang mampu untuk membezakan makna. Ertinya, semua hasil perubahan nilai vokal itu hanyalah alofon atau variasi kepada vokal yang autonom, iaitu /a/.

Selanjutnya, pada perangkat kesepadanan /ɐ : ɐ : ɐ : ɐ : ɐ/ dan /ɐ: : ɐ: : ɐ^{ə} : ɐ^{ə} : ɐ^{ə}/ pula, fonem vokal yang dipilih untuk direkonstruksi pada tahap DHPP juga ialah vokal *a. Sama juga seperti huraian dalam perenggan di atas bahawa penetapan rekonstruksi vokal DHPP ini tidak mematuhi prinsip penyebaran yang paling dominan. Tetapi persoalannya ialah mengapa vokal *a yang dipilih, bukannya *ɐ yang muncul dalam semua perangkat kesepadanan itu?

Untuk menjawab persoalan ini, perlu ditinjau keadaan dialek-dialek Melayu yang lain terlebih dahulu.

Hakikatnya, kemunculan [ɐ] pada posisi dan lingkungan fonetik seperti yang dimaksudkan oleh perangkat kesepadanan di atas adalah sesuatu yang sangat lumrah dalam dialek-dialek Melayu. Beberapa dialek yang memperlihatkan kemunculan vokal tersebut boleh disenaraikan di sini, antaranya dialek Hulu Terengganu (Collins 1983b), dialek Pahang varian Temerloh (Collins 1983a), dialek Perak (Zaharani 1992) dan dialek Muar (Collins 1996). Dalam dialek-dialek ini, memang *a pada posisi akhir kata sebelum konsonan *h, *k dan *ɣ berubah menjadi [ɐ]. Rupanya, kemunculan [ɐ] dalam dialek-dialek tersebut dan dalam varian-varian yang dikaji di sini juga merupakan hasilan dari satu proses fonologi yang tidaklah memperlihatkan hasil yang fonemik. Disebabkan ketidakfonemikan itulah, maka vokal DHPP *a yang dipilih untuk direkonstruksi pada tahap DHPP.

Vokal DHPP *ə direkonstruksi pada kedua-dua posisi suku kata, iaitu suku kata praakhir dan suku kata akhir. Rekonstruksi tersebut ditetapkan berdasarkan kewujudan kesepadanan bunyi yang teratur dalam varian SR, BRS, KK, TGB dan BNT. Pada posisi suku kata praakhir, kesemua varian yang dibandingkan memperlihatkan kesepadanan /ə : ə : ə : ə : ə/. Oleh itu, untuk kesepadanan ini vokal *ə yang direkonstruksi. Manakala, pada posisi akhir kata, muncul pula dua vokal yang berbeza. Varian SR dan BNT memperlihatkan vokal [i], sedangkan varian KK, TGB dan BRS memperlihatkan vokal [ə], lantas memunculkan kesepadanan /i : ə : ə : ə : i/.

Agak menarik untuk ditinjau mengenai kesepadanan /i : ə : ə : ə : i/ itu. Untuk maksud itu, elok kiranya ditinjau fenomena schwa di Temerloh. Sebenarnya, varian di Temerloh juga memperlihatkan persamaan seperti yang terjadi di Hulu Pahang. Dalam varian di sana terdapat juga variasi bebas antara vokal [i] dan [ə] pada posisi suku akhir (Collins 1983a). Hakikatnya, bukan sahaja di Temerloh, malah dalam kebanyakan dialek Melayu lain tetap juga memperlihatkan fenomena yang sama (Asmah 1992, 2008). Melihat kepada fenomena di Hulu Pahang, maka keberadaan vokal [i] dan [ə] itu juga dapat dianggap sebagai variasi bebas. Oleh itu, untuk kesepadanan ini, rekonstruksi yang ditetapkan juga vokal *ə.

Pada posisi suku kata praakhir, vokal DHPP *ə merupakan warisan secara langsung daripada MP *ə. Berbeza pula pada posisi suku kata akhir. Pada posisi ini, vokal DHPP *ə merupakan inovasi daripada MP *a. Refleks DHPP *ə pada posisi suku kata praakhir tetaplah sebagai [ə]. Tetapi, pada posisi suku kata akhir, DHPP *ə muncul dalam dua bentuk, iaitu [ə] dalam varian BRS, KK, TGB, dan [i] dalam varian SR dan BNT. Berikut dipaparkan contoh-contoh refleks DHPP *ə dalam kelima-lima varian dialek Hulu Pahang.

MP *bəlah ‘belah’ > DHPP *bəlah; SR, BRS, KK, TGB dan BNT bəlɐh. MP *bəsaɣ ‘besar’ > DHPP *bəsa; SR dan BRS bəsɐ:; KK, TGB dan BNT bəsɐ^{ə}. MP *bətis ‘betis’ > DHPP *bətis; SR bəteç; BRS, KK, TGB dan BNT bəteh. MP *mata ‘mata’ > DHPP *matə; SR dan BNT mati; KK, TGB dan BNT matə. MP *dada ‘dada’ > DHPP *dadə; SR dan BNT dadi; KK, TGB dan BNT dadə. MP *buta ‘buta’ > DHPP *butə; SR dan BNT buti; KK, TGB dan BNT butə

Ketiadaan Diftong Dalam DHPP

Data dalam kelima-lima varian yang dibandingkan memperlihatkan tidak wujudnya diftong dalam DHPP kerana dalam kelima-lima varian itu refleksnya adalah monoftong, yang bersumberkan diftong MP tetapi mengalami pemonoftongan dalam kesemua varian yang dibandingkan. Ini dapatlah dilihat dalam contoh-contoh di bawah:

Jadual 2: Monoftongisasi dalam dialek Pahang

MP	Serau	Beralas	K. Kenong	T. Bungor	Benta
*pətay	[pətɛ]	[pəta^{ɛ}]	[pətɛ]	[pətæ]	[pətæ]
*suŋay	[suŋɛ]	[suŋa^{ɛ}]	[suŋɛ]	[suŋæ]	[suŋæ]
*pisaw	[pisɐ]	[pisɐ]	[pisa]	[pisɐ]	[pisa]
*limaw	[limɐ]	[limɐ]	[lima]	[limɐ]	[lima]

Dengan perilaku fonologi sebegini, yakni perubahan diftong purba (MP) menjadi monoftong seperti yang terrefleks dalam kelima-lima varian di atas, maka ini menjadi bukti ampuh untuk tidak merekonstruksi diftong pada tahap DHPP. Ketiadaan diftong dalam DHPP boleh dianggap satu inovasi khas DHPP yang berkemungkinannya mampu menjadi bukti pemisahan dialek dengan dengan dialek-dialek lain di Semenanjung. Namun, kesimpulan ini masih memerlukan pembuktian dengan mengambil kira data-data dialek-dialek lain dengan lebih banyak lagi.

Walau bagaimanapun kenyataan di atas bukanlah bererti tiada langsung diftong dalam kelima-lima varian itu. Diftongnya tetaplah ada cumanya yang digelar diftong ini diterbitkan dari monoftong melalui proses yang digelar diftongisasi, misalnya MP *api > api^{y}, MP * kayu > kayu^{w}. Tetapi diftongisasi ini tidaklah pula direkonstruksi dalam DHPP memandangkan ciri ini adalah ciri sekunder.

Kesimpulan

Pemaparan rekonstruksi fonem dalam makalah ini sebenarnya masih jauh dari sempurna terutamanya jikalau ditinjau dari dua hal; pertama, cakupan perbandingan dan kedua, elemen linguistik yang direkonstruksi. Dengan keterbatasan sebegitu, rasanya tidak perlulah ditarik suatu kesimpulan gah-gah. Mungkin untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai dialek purba yang direkonstruksi itu perlulah mengatasi kedua-dua keterbatasan yang dinyatakan itu. Dengan memperluaskan perbandingan dan dengan merekonstruksi elemen linguistik yang lain, morfologi misalnya, berkemungkinan beberapa perkara dapat diselesaikan terutamanya berhubung dengan ketiadaan diftong dalam DHPP dan pengekalan vokal MP *i dan *u.

RUJUKAN

Adelaar, K. A. 1992. Proto Malayic: The reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexical. *Pacific Linguistic* **C-119**. Canbera: The Australia National University.

Adelaar, K. A. 1995. *Bahasa Melayik Purba: Rekonstruksi fonologi dan sebagian dari leksikon dan morfologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dengan kerjasama Universiti Leiden.

Ajid Che Kob & Mohd Tarmizi Hasrah. 2009. Dialek Melayu Pahang: Tinjaun di Sungai Jelai. *Jurnal Persatuan Linguistik* **9**: 61-76.

Asiah Idris. 1989. Fonologi dialek Pahang: Satu kajian awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa* **6**: 415-431.

Asmah Hj. Omar. 1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 1991. *The phonological diversity of the Malay dialects*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 1995a. *Rekonstruksi fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 1995b. *Rekonstruksi kata dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 2008a. *Susur galur bahasa Melayu*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, James. T. 1983a. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Collins, James T. 1983b. Dialek Pahang: rangka pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* **27**: 7-29; 99-118.

Collins, James T. 1985a. Dialek Melayu di Kampung Landai, Pahang: Menuju penelitian tatabahasa Melayu di kalangan Orang Asli. *Jurnal Dewan Bahasa* **7**: 477-493.

Collins, James T. 1985b. Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi Bahasa Melayu Purba

Collins, James T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, James T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Crowley, Terry dan Bowern, Claire. 2010. *An introduction to historical linguistic*. Edisi ke-4. Oxford: Oxford University Press.

Ismail Hussein. 1973. Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara* **3** (1): 69-79

Marlyna Maros. 2010. *Dialek Pekan: Penggunaan dan pengekalan*. Jurnal Bahasa

Mohd Tarmizi, Rahim Aman dan Shahidi A. H. 2010. Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berasaskan aliran sungai. *Jurnal Melayu* **5**: 315-332

Norsuhaila Samat. 2009. *Klasifikasi dialek Raub*. Tesis sarjana, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Strurock, A. J. 1912. Some notes on the Kelantan dialects, and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *JSBRAS* **62**: 1-7.

Wan Sulaiman Mohd Noor. 1983. *Fonologi dialek Pahang: Kajian permulaan di sekitar Padang Tengku*. Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaharani Ahmad. 1991. *Perak Malay dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad. 2000. Pemanjangan dan penyisipan vokal dalam bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. *Dewan Bahasa* **44** (12): 1202-1221.